

Belia berjiwa masyarakat cemerlang di NTU
– Muka 7



KONVOKESYEN NTU

Seramai 11,000 pelajar menerima ijazah mereka di Majlis Tamat Pengajian Universiti Teknologi Nanyang (NTU) 2024 yang berlangsung dari 23 Julai hingga 2 Ogos. **BERITA HARIAN** memaparkan kisah beberapa pelajar yang menunjukkan daya tahan, keazaman dan matlamat tujuan.

Belia berjiwa masyarakat cemerlang di NTU

► **NUR DHUHA ESOOF**
nurduha@sph.com.sg

Encik Haikal Afiq Mohd Rizal mula menyumbang masa dan tenaga sebagai sukarelawan ketika menjalani Perkhidmatan Negara (NS) kerana mempunyai banyak masa lapang.

Semasa NS, beliau berpeluang menemui belia daripada pelbagai latar belakang dan menyedari bahawa dirinya bernasib baik kerana tidak semua orang menerima sokongan daripada keluarga dan guru serta mendapat akses kepada peluang seperti ini.

“Saya tahu bagaimana rasanya mempunyai seseorang yang sentiasa berada di belakang saya, jadi saya juga mahu menjadi tonggak sokongan untuk orang lain,” kata bekas pelajar Maktab Rendah Victoria itu.

Beliau bermula sebagai mentor belia dengan Skim Tuisyen Mendaki (MTS) dan sejak itu menjadi relawan bagi pelbagai pertubuhan lain termasuk kumpulan bukan pemerintah Merpati Kakis, Program Masyarakat Peer Kelab Mendaki dan pertubuhan akar umbi Persatuan Rakyat (PA).

Walaupun kerja relawan itu terus dilakukan sepanjang pengajian empat tahunnya di Universiti Teknologi Nanyang (NTU), bagi Encik Haikal, menjadi sukarelawan tidak menjejaskan masa atau perhatian yang diberikan kepada pelajaran.

Ini kerana kedua-duanya saling berkait malah kerja relawan menjadi lanjutan kepada apa yang dipelajari di sekolah, ujar penerima biasiswa PA itu.

“Kerja sekolah berbeza daripada kerja relawan, tetapi inti pati apa yang saya belajar di sekolah dapat digunakan ketika saya melakukan kerja relawan.

“Ini kerana saya mengikuti jurusan sains

kemasyarakatan, jadi apa yang saya belajar di PA apabila saya perlu menerangkan tentang dasar pemerintah kepada penduduk, saya belajar juga dalam kelas sosiologi perubatan.

“Apa yang saya belajar di sekolah atau semasa kerja relawan saya tidak berasingan,” kata Encik Haikal, 25 tahun.

Pada 31 Julai, anak bongsu dalam keluarga dua beradik itu menerima ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dalam Sosiologi dengan Kepujian (Kecemerlangan Tertinggi) dengan major kedua dalam Dasar Awam dan Hal Ehwal Sejahtera.

Di sekolah, antara peranan yang disandangnya adalah sebagai presiden dan pengarah kebajikan Persatuan Sosiologi NTU.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai duta pelajar dan mendekati bakal pelajar serta ibu bapa mereka semasa acara jangkauan.

Di luar sekolah, Encik Haikal menjadi mentor belia daripada pelbagai latar belakang dan terlibat dalam mengurus dan merancang sesi pementoran.

Beliau juga terlibat dalam pertubuhan yang membantu penghuni flat sewa yang perlu berpindah ke tempat lain.

“Di sekolah, saya terlibat dalam kegiatan kelab. Pada hujung minggu dan selepas waktu kerja, saya melakukan kerja pementoran dan berkhidmat kepada masyarakat.

“Tetapi saya tidak melihatnya sebagai mengambil masa saya kerana ia rasa seperti satu lanjutan kepada pengajian sekolah saya,” kata anak pasangan pengurus perniagaan dan suri rumah itu.

“Sebagai contoh, kerja sukarelawan yang saya lakukan dengan Merpati Kakis adalah cara terbaik untuk saya berada di lapangan dan melihat keadaan penghuni flat sewa yang terjejas.

“Saya dapat menulis kes, memfailkan



Penerima biasiswa Persatuan Rakyat (PA), Encik Haikal Afiq Mohd Rizal, mula bertugas sebagai pengurus kawasan undi di Kelab Masyarakat Siglap pada 29 Julai sebagai sebahagian daripada bon empat tahunnya dengan PA. – Foto BH oleh SHAFIQ APANDI

demografik dan pergi dari rumah ke rumah untuk cuba memahami keperluan setiap isi rumah.

“Saya tidak terlibat dalam kegiatan mengemas rumah atau penempatan semula tetapi lebih kepada bahagian pentadbiran dan menjalin hubungan serta memastikan terdapat nota kes yang selari supaya kerja kes itu dapat diteruskan sesiapa yang mengambil alih daripada saya,” jelasnya.

Semasa cuti semester, Encik Haikal menjalani latihan kerja sambil belajar dengan PA yang antara lain mendedahkannya kepada operasi di kelab masyarakat dan struktur akar umbi.

Beliau terlibat dalam pelbagai acara akar umbi termasuk perbincangan selepas Rapat Hari Kebangsaan (NDR) dan Belanjawan.

“Di acara sedemikian, saya dapat menggunakan ilmu yang saya pelajari di sekolah dan dapat berbincang secara langsung dengan penduduk pelbagai peringkat usia.

“Ini membolehkan saya memahami aspek tertentu tentang NDR atau Belanjawan daripada sudut pandangan berbeza berbanding jika saya berbincang tentangnya dengan belia segenerasi saya,” katanya.

Pada 29 Julai, Encik Haikal mula bertu-

“Kerja sekolah berbeza daripada kerja relawan, tetapi inti pati apa yang saya belajar di sekolah dapat digunakan ketika saya melakukan kerja relawan. Ini kerana saya mengikuti jurusan sains kemasyarakatan, jadi apa yang saya belajar di PA (Persatuan Rakyat) apabila saya perlu menerangkan tentang dasar pemerintah kepada penduduk, saya belajar juga dalam kelas sosiologi perubatan. Apa yang saya belajar di sekolah atau semasa kerja relawan saya tidak berasingan.”

– **Encik Haikal Afiq Mohd Rizal.**

gas sebagai pengurus kawasan undi di Kelab Masyarakat Siglap, menandakan permulaan bon empat tahunnya dengan PA.

Tugasnya antara lain termasuk menguruskan pertubuhan akar umbi dan memastikan maklumat daripada pemerintah sampai kepada rakyat dan maklum balas dari-

pada rakyat sampai kepada pemerintah.

Beliau akan melakukan kerja itu selama dua tahun sebelum menyandang tugas di ibu pejabat.

Encik Haikal berharap dapat melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana dalam bidang sosiologi kelak.